

Headline	Tuaian serentak, hasil lebih banyak		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	19 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Perspektif	Circulation	56,027
Page No	36	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	493 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,325
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,975



Tuaian serentak, hasil lebih banyak

Sukar mendapatkan bekalan benih untuk tanaman pisang yang diusahakan membuatkan petani ini mendalami teknik kultur tisu bagi menghasilkan tuaian yang lebih banyak, mudah dan cepat.

Bagi petani dari di Kota Belud, Sabah, David Benjamen Lintua yang pada mulanya mengusahakan tanaman pisang seluas 0.81 hektar pada 2016, mendapati amat sukar mendapatkan benihnya.

Katanya, hanya dengan kaedah kultur tisu sahaja dapat menyelesaikan masalah itu.

Kemudian beliau mencari pelbagai maklumat bagaimana mengusahakan sendiri benih pisang.

Beliau berjumpa dengan sebuah organisasi di Sabah yang mempunyai makmal menghasilkan benih tanaman menggunakan kultur tisu dan sejak itu mula mempelajari teknik itu.

"Saya dapati teknik kultur tisu ini mampu menghasilkan benih dengan lebih cepat dan boleh dituai serentak.

"Buktinya jelas apabila pisang ditanam mampu berbuah lebih awal dua atau tiga bulan berbanding benih biasa.

"Saya juga mula memasarkan benih tanaman itu pada penghujung 2019.

"Menariknya teknologi baha-

ru itu menghasilkan tumbuhan berkualiti dan bebas penyakit," katanya.

Hasilkan pelbagai jenis pisang

David kini menghasilkan benih pisang pelbagai jenis iaitu berangan, cavendish, nangka dan saba, selain menghasilkan benih halia tambunan serta kunyit hitam.

"Saya berhasrat menghasilkan benih limau kasturi pula pada masa akan datang, selain membekalkan lagi makmal supaya dapat menghasilkan lebih banyak tanaman lain menggunakan teknik kultur tisu," katanya.

Beliau yang juga pengarah KB Agro Tech Sdn menjual benih pisang pada harga RM5 bagi satu polibeg yang ketika ini hanya

David menghasilkan pelbagai jenis benih pisang menggunakan kaedah kultur tisu di makmalnya. (Foto ihsan David)



dijual di Sabah.

"Ada permintaan untuk saya mengeksport benih pisang ke Brunei, tetapi menolaknya kerana terdapat pelbagai prosedur," katanya.

Kaji hasilkan benih bulu betung

Tahun lalu, beliau menerima dana penyelidikan daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjumlah RM18,000 untuk menghasilkan benih bulu betung dan kini masih di peringkat kajian.

Katanya, lebih membanggakan beliau juga baru dilantik sebagai panel penasihat Sekolah Vokasional Pertanian Sabah.

"Saya harap lantikan ini membolehkan saya mengetengahkan lagi teknologi ini di peringkat sekolah pula kerana di Sabah teknik ini masih kurang dikenali.

"Malah, saya berharap selepas teknik ini akan terus berkembang dengan baik dan mendapat permintaan," katanya.

Dengan kepakarannya beliau kongsi dengan memberi ceramah dan demonstrasi mengenai teknik itu kepada yang berminat.

Sebelum ini, beliau memohon dana daripada Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) berjumlah RM100,000 untuk menyediakan makmal bagi menghasilkan pelbagai benih tanaman menggunakan teknik kultur tisu yang dimulakan pada 2018.

"Saya juga mengikuti kursus seminggu di Bogor, Indonesia, selain mengikuti bengkel di UMS dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi tujuan sama," katanya.

